



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 5/2019

MENOLAK GEJALA POLITIK LUCAH

1. Syariah merupakan satu manhaj kehidupan yang telah melahirkan tamadun gemilang yang pernah menguasai dunia. Kegemilangan tamadun dahulu adalah berpaksikan kedaulatan syariah sebagai satu cara hidup telah berjaya melahirkan masyarakat yang mampu menolak dan membasmi budaya pornografi. Namun, persekitaran masyarakat kini sedari kecil lagi telah dipengaruhi nilai kehidupan masyarakat barat yang berteraskan kebebasan melakukan apa sahaja walaupun bertentangan dengan hukum syarak seperti gejala lucah. Malah undang-undang sedia ada tidak mampu membanteras gejala ini.
2. Syariah telah meletakkan hukuman yang tegas ke atas orang yang melakukan jenayah qazaf (menuduh orang lain melakukan zina tanpa mendatangkan empat saksi). Ia bertujuan memelihara maruah setiap individu muslim di samping mengelak pergaduhan, perbalahan dan permusuhan sesama muslim. **Isu penyeragaman undang-undang syariah bagi negeri-negeri di Malaysia perlu digubal segera oleh pihak kerajaan** dan mengenakan hukuman had seperti yang dianjurkan dalam al-Quran dan al-Sunnah supaya memberi keinsafan dan pendidikan kepada semua pihak yang terlibat.
3. Berdasarkan kaedah Fiqh: *'tindakan pemerintah dalam urusan rakyat mesti berdasarkan kepada masalah'*. Apabila tersebar video lucah kepada awam, apatah lagi melibatkan pemimpin negara, pemerintah perlu menamatkan gejala lucah ini secepat mungkin. Sesiapa yang melakukan, melakonkan atau menyebarkan video lucah ini mesti dikenal pasti secepat mungkin. Tanpa membezakan pemimpin negara atau rakyat, pesalah perlu dihadapkan ke muka pengadilan dan dihukum dengan sewajarnya. Prinsip "rule of law" perlu digunapakai.
4. Akhir sekali, saya juga ingin menegaskan bahawa keadilan adalah syarat utama kelayakan bagi seseorang pemimpin. Seorang pemimpin mesti bersih dan dilihat bersih daripada sebarang kefasiqan, kezaliman, keaiban dan keburukan diri. Kita telah ditimpa penyakit kronisme kepartian, iaitu sentiasa memenangkan parti sendiri walaupun ternyata kebatilan yang dilakukan. Pelbagai kesalahan begitu dipertahankan habis-habisan oleh penyokong parti dan kroni walaupun jelas-jelas kebatilannya. Prinsip *'yang benar dibatikan, yang batil dibenarkan'* mesti dibuang sejauhnyanya demi kemamkmuran masyarakat dan negara ini.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

14 Syawal 1440 H (Selasa)

18 Jun 2019 M